

CNS8570

R PB 01-08 00180 BA029

aab

MALAYSIA PERLU MAJU UNTUK BERHADAPAN DENGAN BLOK BARAT

Mahathir-Blok

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Malaysia perlu menjadi negara maju untuk berhadapan dengan keadaan di mana blok Barat menguasai dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

+Jika negara kita lemah dan miskin sudah pasti kita tidak dapat bertindak dengan bebas dalam usaha untuk menjaga maruah, kedaulatan dan keselamatan kita,+ kata Perdana Menteri ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan tahunan ke-21 Parti Gerakan di sini.

Beliau berkata perubahan besar yang berlaku di dunia memerlukan negara dan rakyat berhati-hati kerana, dengan berakhirnya Perang Dingin, negara kini berhadapan dengan keadaan di mana blok Barat menguasai dunia.

+Kita telahpun melihat bagaimana negara-negara yang kuat ini telah bertindak ke atas negara-negara yang lemah tanpa menghiraukan kedaulatan dan kewibawaan negara-negara berkenaan,+ kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, keinginan untuk menjadi negara maju bukan bertujuan untuk menunjukkan negara juga berkuasa dan kuat tetapi +kita mahu rakyat Malaysia hidup sejahtera, aman dan makmur dan dapat menentukan nasib kita sendiri tanpa sebarang tekanan+. -- Lagi

▼01/08/13-32MST

CNS8585

R PB 01-08 00177 BA033

aab

Mahathir-Blok 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, untuk menjadi sebuah negara maju, ekonomi negara perlu diperkukuhkan lagi dan ini hanya boleh dicapai jika semua kaum di negara ini sentiasa bersatu padu, hidup aman damai dan berusaha lebih gigih.

+Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju,+ kata beliau.

Beliau berkata: +Wawasan 2020 bukan dibentuk untuk dijayakan oleh sesuatu kaum sahaja. Ia juga bukan untuk sesuatu kaum. Wawasan 2020 adalah untuk rakyat Malaysia semua kaum.+

Memberi contoh Jepun dan negara-negara yang hampir bertaraf negara maju seperti Korea Selatan dan Taiwan, Perdana Menteri berkata Malaysia juga mempunyai +bahan-bahan+ yang diperlukan untuk mencapai taraf negara maju.

Katanya, Malaysia lebih mampu kerana, sementara negara-negara berkenaan kekurangan sumber semula jadi termasuk minyak, Malaysia mempunyai sumber semula jadi lebih daripada keperluannya.

Dengan itu, Dr Mahathir berkata, rakyat perlu terus mengukuhkan lagi asas-asas yang telah dibina bersama bagi menjamin negara terus stabil, harmoni, sejahtera dan makmur di bawah pemerintahan Barisan Nasional. -- Bernama